

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN : NO. 479

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini perundingan projek pembinaan Rangkaian Kereta Api Pantai Timur (ECRL). Apakah sebab dan kekangan yang dihadapi menyebabkan keputusan sama ada membatalkan atau meneruskan projek ini masih tidak diputuskan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, semua kerja-kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL masih digantung oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan semenjak notis penggantungan dikeluarkan pada 3hb Julai 2018.

Rundingan masih dijalankan dengan kontraktor utama China Communications Construction Company (CCCC) bagi mengurangkan kos projek ECRL yang merupakan faktor utama projek ini masih belum dimuktamadkan.

Keputusan berhubung status projek ECRL akan dimaklumkan selepas rundingan selesai dijalankan. Sekian, terima kasih.